

Pengaruh Komunis Indonesia Dalam Pergerakan Awal Komunis di Tanah Melayu

Dr. Ho Hui Ling
Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
hohuiling@um.edu.my

Pendahuluan

Perkembangan komunis di Indonesia berlaku lebih awal daripada di Tanah Melayu. Pergerakan komunis di Indonesia telah bermula pada tahun 1914 dan Partai Komunis Indonesia (PKI) telah ditubuhkan pada tahun 1920. Manakala, gerakan komunis di Tanah Melayu mula dikesan pada awal tahun 1920-an dan Parti Komunis Malaya (PKM) pula hanya ditubuhkan pada tahun 1930. Di Tanah Melayu, selain daripada pengaruh komunis yang dibawa masuk oleh orang Cina dari negara China, terdapat juga pengaruh komunis yang datang dari Indonesia dalam perkembangan gerakan komunis di negeri-negeri Melayu. Pengaruh komunis Indonesia ini adalah bermula pada awal tahun 1920-an dengan kehadiran pemimpin komunis Indonesia seperti Semaun dan Alimin. Selepas tahun 1926 semakin ramai pemimpin komunis Indonesia yang hadir di negeri-negeri Melayu dengan pelbagai aktiviti bagi melebarkan pengaruh komunis di kalangan penduduk tempatan di situ.

Dengan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk melihat pengaruh komunis Indonesia dalam pergerakan komunis di Tanah Melayu khususnya dalam usaha untuk menyebarkan pengaruh komunis di kalangan masyarakat tempatan di negeri-negeri Melayu. Kehadiran pemimpin komunis Indonesia di negeri-negeri Melayu seperti di Singapura, Johor, Perak Utara, Kedah dan Pulau Pinang dalam usaha mengembangkan pengaruh komunis turut dibicarakan. Dalam hal ini

juga, kertas kerja ini akan melihat sejauh manakah komunis Indonesia itu berjaya dalam menyebarkan pengaruh komunis di negeri-negeri Melayu sehingga terbentuknya PKM pada April 1930.

Pergerakan Awal Komunis di Indonesia

Pergerakan komunis telah dapat dikesan di Indonesia sejak tahun 1914 dengan pengasasan *Indies Social Democratic Association* (*Indischie Social Democratische Vereeniging/ISDV*) pada 6 Mei. ISDV merupakan pertubuhan berunsurkan sosialisme yang pertama ditubuhkan di Asia Tenggara pada tahun 1914. Tempat lahirnya ISDV ialah di Semarang (Surabaya) dan pengasasnya ialah seorang Belanda yang berpegang kepada fahaman sosialisme, iaitu Henk atau Hendriclus Sneevliet. ISDV berkembang menjadi Perserikatan Komunis di India atau juga dikenali Partai Komunis Indonesia (PKI) pada 23 Mei 1920.¹ PKI mempunyai keanggotaan seramai 208 orang pada tahun 1921. Angka ini telah meningkat kepada 1,300 orang anggota pada tahun 1923 dan menurun sedikit kepada lebih kurang 1,000 orang pada tahun 1925.²

Sehingga tahun 1921, anggota ISDV dibenarkan menyertai Sarekat Islam,³ sebuah pertubuhan perdagangan Islam yang dibentuk pada tahun 1912 dalam menghadapi persaingan dengan para pedagang Cina di Indonesia. Pada awalnya, Sarekat Islam mendakwa ia tidak mempunyai objektif politik tetapi dengan cepatnya ia telah menjadi tumpuan para nasionalis dan mendapat sokongan rakyat kebanyakan.

¹ Cheah Boon Kheng, *From PKI To The Comintern, 1924-1941: The Apprenticeship of The Malayan Communist Party*, Ithaca: Cornell University, 1992, hlm. 7.

² Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism*, Ithaca: Cornell University Press, 1965, hlm. 428.

³ Sarekat Islam berasal daripada Sarekat Dagang Islam dibentuk pada tahun 1909 oleh Raden Mas Tirtoadisurjo. Sarekat Dagang Islam ditubuhkan sebagai reaksi persaingan dengan para pedagang Cina dan orang tengah yang telah memperolehi kepercayaan daripada pemerintahan Belanda di Indonesia. Ia telah berjaya menarik perhatian ramai pedagang dan golongan intelek. Pada tahun 1912, ia telah disusun semula dan muncul sebagai Sarekat Islam. J.H. Brimmell, *Communism in Southeast Asia: A Political Analysis*, London: Oxford University Press, 1959, hlm. 77.

Pada Mac 1914, kerajaan menolak untuk mengiktiraf Sarekat Islam sebagai sebuah pertubuhan berpengaruh tetapi membenarkan cawangan-cawangannya ditubuhkan. Hasilnya, cawangan-cawangan Sarekat Islam ini telah berkembang tanpa kawalan pusatnya sehingga kemasukan pemimpin-pemimpin radikal ke dalamnya.⁴

Selain Sarekat Islam, terdapat sebuah lagi pertubuhan di Indonesia yang turut mempunyai hubungkait dengan penubuhan ISDV. Pertubuhan itu ialah *National Indies Party* yang ditubuhkan pada tahun 1912 dan diketuai oleh Douwes Dekker (seorang Eurasian). Pertubuhan ini secara terang-terangnya mempunyai objektif penubuhan yang berkaitan dengan politik iaitu memperjuangkan keadilan kaum, keadilan sosial dan kemerdekaan. Namun, pada tahun 1913, pertubuhan ini telah dimansuhkan dan ramai anggotanya menyertai sebuah pertubuhan Eurasian yang lebih sederhana, iaitu Insulinde. Pada masa yang sama, sekumpulan kecil anggota *National Indies Party* yang lain pula telah menyertai ISDV yang ditubuhkan oleh Sneevliet.⁵ Apabila berlakunya persaingan antara golongan sederhana dengan radikal dalam ISDV pada tahun 1917, akhirnya golongan sederhana telah keluar dari ISDV dan menyertai Insulinde. Dengan itu, pada November 1917, ISDV mengandungi sekumpulan revolusioner dengan pemikiran politik kekirian.

Pada masa yang sama, Sneevliet mendapati bahawa ISDV sebagai sebuah pertubuhan Eropah adalah sukar baginya mendapatkan sokongan ramai di Jawa. Dengan itu, beliau telah membuat hubungan dengan Sarekat Islam dan berusaha untuk mempengaruhinya dengan Marxisme. Beliau akhirnya berjaya mempengaruhi para pemimpin Sarekat Islam cawangan Semarang. Antara mereka yang penting ialah Semaun (Samoen) dan Darsono.⁶

⁴ J.H. Brimmell, *Communism in Southeast Asia: A Political Analysis*, hlm. 78.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid., hlm. 79.

Berdasarkan hubungan dengan Sarekat Islam, anggota-anggota ISDV telah menggunakan kemudahan yang diberi oleh Sarekat Islam dalam menyebarkan fahaman sosialis dan pengaruhnya. Golongan komunis telah mengarahkan usaha mereka bagi mencapai dua tujuan, iaitu menguasai cawangan-cawangan Sarekat Islam dan menyerap dalam puncak pimpinan kesatuan sekerja. Kasan daripada itu dapat dilihat berlakunya mogok kerja yang dipengaruhi oleh ISDV di Indonesia antara tahun 1918-1920. Berdasarkan angka yang diberi oleh Semaun, terdapat sejumlah 7,000 orang pekerja yang terlibat dalam mogok pada tahun 1918, 66,000 pekerja mogok pada tahun 1919 dan 83,000 orang pada tahun 1920.⁷

Bagaimanapun, pada tahun 1920-an dan selepasnya, anggota Sarekat Islam yang lebih sederhana dan konservatif telah sedar tentang penambahan unsur kiri dalam sebahagian anggota dan cawangannya, terutamanya cawangan di Semarang yang telah banyak diresepi oleh anggota ISDV. Perkembangan ini membawa kepada persaingan dalam kepimpinan di antara pemimpin pusat Sarekat Islam dengan kumpulan pendokong Marxisme di bawah Semaun. Akhirnya, dalam Kongres Keenam Sarekat Islam pada Oktober 1921, Hadji Agus Salim dan Abdul Muis telah mengambil langkah mengharamkan anggota Sarekat Islam daripada menjadi anggota parti lain pada masa yang sama. Langkah ini bertujuan untuk menyekat Semaun dan kumpulannya terus berkembang di Indonesia.⁸ Tindakan ini menyebabkan berakhirnya persaingan antara golongan Sarekat Islam yang konservatif dengan golongan radikal dalam ISDV. Dengan itu juga, kumpulan Semaun berpendapat sudah sampai masa untuk mengubah pertubuhan bercorak sosial-demokratik kepada sebuah pertubuhan komunis. Maka dapat dikatakan bahawa tindakan Salim-

⁷ Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism*, hlm. 373.

⁸ Ibid., hlm. 89. Lihat juga J.H. Brimmell, *Communism in Southeast Asia: A Political Analysis*, hlm. 79-81.

Muis tersebut juga telah menyumbang kepada kemunculan PKI pada Mei 1920 yang menguatkan lagi perkembangan komunisme dalam politik Indonesia. Tambahan pula, golongan komunis Indonesia juga telah sedar bahawa pergerakan mereka adalah sukar dijalankan melalui Sarekat Islam apabila pada tahun 1919, Comintern tidak membenarkan lagi komunis berjuang bertopengkan ideologi *Pan-Islamic*.⁹

Pendirian PKI yang anti-kolonial dan anti-kapitalis telah membantunya menyusup dalam perkembangan semangat kebangsaan di Indonesia. Kegiatan PKI telah mendominasi politik Indonesia sehingga selepas kebangkitannya pada tahun 1926. PKI telah membentuk pertubuhan massa, seperti Sarekat Rakjat yang dikawal oleh komunis untuk melawan Sarekat Islam. Pada awalnya, berlaku persaingan antara Sarekat Islam dan PKI dalam mempengaruhi rakyat Indonesia. Namun, pemerintahan Belanda telah mengambil tindakan dan Semaun telah ditangkap dan diusir dari Indonesia dimana Semaun telah pergi ke Moscow. Dengan itu, tempatnya telah diambil alih oleh Darsono. Selain itu, tekanan daripada kerajaan pada tahun 1923 turut telah menyebabkan beberapa pemimpin penting PKI meninggalkan Indonesia, termasuklah Tan Malaka dan Bergama kerana terlibat dalam mogok pekerja pajak gadai pada tahun 1922 dan Semaun berhubung dengan mogok pekerja landasan keretapi pada tahun 1923.¹⁰ Dengan itu, kepimpinan PKI mula berpindah kepada golongan pelampau seperti Darsono.

Antara tahun 1924-1926, unsur pelampau dan *ultra-leftist* telah tumbuh di dalam PKI. PKI telah meningkatkan luangan berkenaan pengeksploitasian golongan kapitalis dan penindasan penjajah di Indonesia. Dalam tempoh tersebut, dalam Kongres Kelima Comintern (Jun-Julai 1924) dan *Pan-Pacific Labour Conference* di Canton pada

⁹ Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism*, hlm. 60-61.

¹⁰ Ibid., hlm. 150. Lihat juga J.H. Brimmell, *Communism in Southeast Asia: A Political Analysis*, hlm. 82.

tahun 1924, penekanan diberi kepada keperluan untuk parti-parti komunis bagi menguasai pergerakan kesatuan-kesatuan sekerja. Berikutannya, PKI menggiatkan kegiatannya dalam kesatuan-kesatuan sekerja. Selaras itu, banyak mogok telah dirancang oleh Alimin dan Musso di Sumatra dan Jawa.¹¹ Mogok-mogok yang berlaku itu telah menyebabkan pihak pemerintahan Belanda memberi perhatian kepada pergerakan komunis di Indonesia. Malahan, pada Disember 1925, pentadbiran Belanda telah mengambil tindakan menahan pengarang dan kakitangan akhbar harian milik golongan komunis Indonesia iaitu *Api* dan *Nyala* kerana menerbitkan artikel yang mempunyai unsur menentang kerajaan Indonesia.¹² Oleh itu, apabila penentangan PKI bermula pada tahun 1926, ia telah dapat ditumpaskan dengan mudahnya oleh pihak berkuasa Belanda.

Pada 25 Disember 1925, PKI mengambil keputusan untuk melakukan pemberontakan terhadap pemerintahan Belanda dalam Persidangan Prambanan (*Prambanan Conference*). Dengan itu, persiapan ke arah kebangkitan PKI dilakukan melalui mogok yang akan meliputi para pekerja, petani dan tentera dalam penentangan yang dirancang. Pemimpin PKI berharap mendapat bantuan kewangan dari Moscow dan sokongan moral daripada kader-kadernya di Asia Tenggara. Apabila berita tentang keputusan Persidangan Prambanan diketahui oleh pentadbiran Belanda, maka langkah diambil terhadap pemimpin PKI di Indonesia. Mereka dihalau dari Indonesia dan ramai daripadanya telah berlindung di Singapura.¹³

Di Singapura, pemimpin komunis termasuklah Alimin, Musso, Sardjono, Sugono, Mohammed Sanusi, Winanta, Budisutjitro dan

¹¹ Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism*, hlm. 311 dan J.H. Brimmell, *Communism in Southeast Asia: A Political Analysis*, hlm. 84.

¹² The Malayan Bulletin of Political Intelligence, December 1925, Secret No. 34, dalam C.O. 273/534/3270, Malayan Bulletin of Political Intelligence.

¹³ C.F. Yong, *The Origins of Malayan Communism*, Singapore: South Seas Society, 1997, hlm. 82.

Subakat telah mengadakan mesyuarat selama tiga hari pada sekitar Februari 1926. Mesyuarat ini telah mengesahkan keputusan untuk PKI bangkit memberontak terhadap pemerintahan Belanda di Indonesia. Walau bagaimanapun, dilaporkan keputusan ini tidak disetujui oleh pemimpin komunis yang berada di luar Indonesia. Antaranya, Semaun yang berada di Moscow pada masa itu menentang PKI bangkit memberontak kerana keadaan sosial di Indonesia tidak sesuai untuk diadakan revolusi dan penentangan dalam skala yang kecil tidak dapat mencapai kejayaan. Manakala, Tan Malaka yang berada di Manila, Filipina pada ketika itu pula menyatakan dua sebab yang pada pandangannya menyebabkan kebangkitan PKI itu sukar mencapai kejayaannya di Indonesia. Pertama, PKI belum mendapatkan sokongan rakyat umum secara besar-besaran dan kedua, keputusan memberontak itu bukanlah arahan daripada Comintern. Walaupun begitu, setelah Alimin dan Musso telah pergi ke Moscow bagi mendapatkan kebenaran dan bantuan kewangan daripada Moscow, satu perjumpaan telah diadakan di Singapura pada April 1926 dengan diketuai oleh Alimin dan Musso untuk menguatkan keputusan dalam Persidangan Prambanan. Akhirnya, pemimpin PKI di Indonesia telah melancarkan pemberontakan bagi menamatkan pemerintahan Belanda pada 12 November 1926 yang bermula di Jawa dan kemudian di Sumatra.¹⁴ Di Jawa Barat, kekacauan berlaku di Batavia, dan beberapa kampung di Preanger serta kebanyakan daerah di Bantam. Dalam kekacauan itu, kumpulan komunis telah menyerang stesen-stesen polis, merosakkan wayar telefon dan telegraf dan jambatan-jambatan. Mereka juga telah membunuh empat pegawai pribumi, seorang pekerja

¹⁴ C.F. Yong, *The Origins of Malayan Communism*, hlm. 82-83. Lihat juga J.H. Brimmell, *Communism in Southeast Asia: A Political Analysis*, hlm. 83-84. Reaksi Semaun tentang keputusan PKI untuk memberontak, rujuk juga *The Malayan Bulletin of Political Intelligence*, July 1926, Issue No. 4, hlm. 6, dalam C.O. 273/534/20005, *Malayan Bulletin of Political Intelligence*.

landasan kereta api berbangsa Dutch Eurasian di Bantam.¹⁵ Manakala, pada lewat Disember 1926, kekacauan komunis pula berlaku di wilayah Padang di pantai barat Sumatra. Kumpulan komunis telah menawan stesen kereta api, pejabat telegraf, membunuh ketua-ketua pentadbir tempatan dan beberapa orang guru turut menjadi mangsa. Namun demikian, kekacauan itu dapat dikawal oleh kerajaan setelah beberapa ratus orang komunis dibunuh dalam operasi ketenteraan yang dilancarkan.¹⁶

Namun demikian, penentangan PKI itu berjaya ditumpaskan oleh pihak pemerintahan Belanda. Menurut pandangan sarjana, kegagalan PKI disebabkan ia tidak mendapatkan sokongan rakyat yang cukup kuat dan juga kuasa untuk menjalankan penentangan terhadap pihak pemerintah. Begitu juga, PKI melancarkan penentangan tanpa mengambil kira kekuatan politik dan ketenteraan serta kesesuaian masa.¹⁷ PKI telah menanggung kesan daripada tindakan memberontaknya di mana penangkapan secara besar-besaran, penahanan dan pengusiran keluar negara pemimpin-pemimpin komunis dilakukan oleh pihak berkuasa di Indonesia. Antaranya, melibatkan dua pemimpin utama, iaitu Sneevlist dan Baars yang meninggalkan Indonesia. Sejak itu sehingga tamat Perang Dunia Kedua, pergerakan PKI terpaksa berpindah ke bawah tanah. Kemunculan PKI sebagai sebuah pertubuhan rasmi juga telah dimansuhkan.

Pergerakan Awal Komunis di Tanah Melayu

Sementara itu, di Tanah Melayu, PKM telah ditubuhkan pada April 1930. Namun begitu, pergerakan komunis telah dapat dikesan lebih

¹⁵ The Malayan Bulletin of Political Intelligence, November 1926, Issue No. 45, hlm. 3, dalam C.O. 273/535/28030, Malayan Bulletin of Political Intelligence.

¹⁶ The Malayan Bulletin of Political Intelligence, January 1927, Issue No. 47, hlm. 2, dalam C.O. 273/535/28030, Malayan Bulletin of Political Intelligence.

¹⁷ Vishal Singh, "The Rise of Indonesia Political Parties", *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 2, No.2, 1961, hlm. 63-64.

awal lagi iaitu pada sekitar awal tahun 1920-an. Selain daripada pengaruh komunis yang dibawa masuk oleh orang Cina dari negara China ke Tanah Melayu, terdapat juga pengaruh komunis yang datang dari Indonesia bermula tahun 1921 dengan kehadiran pemimpin komunis Indonesia seperti Semaun, Alimin, Tan Malaka dan lain-lain. Lebih ramai pemimpin komunis Indonesia tiba di negeri-negeri Melayu setelah kegagalan perjuangan PKI pada tahun 1926.

Fahaman komunis mula dibawa masuk ke Tanah Melayu sejak awal tahun 1920-an lagi, iaitu di antara tahun 1921 dan 1922 melalui cawangan Parti Kuomintang (KMT) yang dibawa masuk dari negara China sejak tahun 1912 di Singapura. Menjelang tahun 1924, cawangan dan ranting KMT telah ditubuhkan di hampir setiap negeri di Tanah Melayu sebagai pelapis bagi menyebarkan pengaruh komunis. Pada tahun 1924 misalnya, cawangan KMT telah dapat dikesan di bandar-bandar utama, iaitu Seremban, Melaka, Muar, Pulau Pinang, Kedah, Kuala Lumpur, Klang dan Singapura.¹⁸ Selain itu, komunis juga bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan, penerbitan seperti akhbar dan sekolah-sekolah Cina dalam usaha menyebarkan pengaruh komunis kepada penduduk di Tanah Melayu, khasnya di kalangan orang Cina. Orang Cina pada masa itu masih menumpukan taat setia kepada negara China dan sentiasa mengikut perkembangan politik yang berlaku di sana.

Selain aliran komunis yang datang dari negara China, pada awal tahun 1920-an juga, didapati beberapa pemimpin komunis Indonesia seperti Semaun dan Alimin telah hadir di negeri-negeri Melayu. Bermula tahun 1926, semakin ramai pemimpin komunis dari Indonesia sampai di negeri-negeri Melayu. Antaranya, Tan Malaka, Hasanoesi, Moeso, Winanta, Boedisoejitro, Soebakat dan Sutan Perpateh yang cuba menyebarkan fahaman komunis di kalangan penduduk tempatan

¹⁸ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004, hlm. 2-3. Rujuk juga Monthly Review of Chinese Affairs, August 1934, hlm. 27-28, dalam C.O. 273/597/33056/Part III, Review of Chinese Affairs.

di Tanah Melayu. Ini adalah berikutan kegagalan komunis untuk menguasai Pulau Jawa pada tahun 1926 menyebabkan Tanah Melayu menjadi pilihan komunis Indonesia kerana kebanyakan penduduknya adalah Melayu sebagaimana di Indonesia. Bahasa yang dipertuturkan di kedua-dua negara pun dari rumpun yang sama. Pengaruh komunis dari Indonesia dalam perkembangan komunis di negeri-negeri Melayu berkait rapat dengan sebuah laporan oleh Tan Malaka selaku wakil komunis bagi kawasan Asia Tenggara dalam Pertubuhan Komunis Antarabangsa (Comintern) yang menyebut tentang perlunya orang Melayu di negeri-negeri Melayu "dikomuniskan" dalam usaha komunis untuk menguasai Tanah Melayu. Ini kerana orang Melayu adalah bangsa teras kepada pemerintahan Tanah Melayu, sama seperti di Indonesia. Bagi Tan Malaka, adalah satu hal yang ironis apabila orang Melayu di Indonesia dapat "dikomunikasikan" dengan mudah dan mendapat sambutan yang baik, tetapi tidak begitu keadaannya dengan orang Melayu di Tanah Melayu.¹⁹

Namun demikian dalam keadaan yang sebenarnya, komunisme tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu di Tanah Melayu kerana mereka kurang tertarik dengan ideologi komunis. Orang Melayu pada peringkat itu masih berpegang kepada sikap menyerahkan hal pentadbiran kepada sultan. Oleh itu, mereka tidak perlu melibatkan diri dalam soal politik termasuklah perkembangan ideologi. Tambahan pula, agama Islam melarang orang Melayu daripada menjadi komunis. Dengan itu, mereka tidak mudah terpedaya dengan hasutan dan propaganda komunis. Walaupun dianggarkan lebih 80 peratus daripada anggota komunis, penyokong dan persimpatinya di Tanah Melayu adalah terdiri daripada orang Cina, namun tidak dapat dinafikan terdapat juga orang Melayu yang terlibat dalam pergerakan komunis atau yang menyokong perjuangan komunis di Tanah Melayu. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan kemunculan nama-nama seperti Musa

¹⁹ *Dewan Masyarakat*, Jilid 29, Bil. 7, Julai 1991, hlm. 28.

Ahmad, Rashid Maidin, Abdullah C.D., Ibrahim Chik dan Shamsiah Fakeh dalam pergerakan komunis di Tanah Melayu.²⁰ Mereka inilah kemudiannya telah menjadi pemimpin penting dalam Rejimen Ke-10 PKM (kumpulan komunis Melayu) yang ditubuhkan di Kerdu, Pahang pada tahun 1949 yang berjuang menentang penjajahan British.

Bagi masyarakat India pula, mereka tidak berminat dengan politik tempatan, memandangkan tujuan mereka datang ke Tanah Melayu adalah untuk mencari kekayaan dan balik semula ke India. Lebih-lebih lagi, kehidupan kebanyakan orang India dihadkan oleh keadaan di estet getah yang merupakan tempat mereka mencari nafkah. Keadaan ini menyebabkan pendedahan mereka kepada perkembangan di luar estet amat kurang. Namun demikian, terdapat di kalangan mereka yang menjadi pekerja estet diugut supaya mengambil bahagian dalam mogok yang dianjurkan oleh komunis di kawasan estet di negeri-negeri Melayu.²¹

Sebaliknya, ideologi komunis mendapat sambutan daripada orang Cina di Tanah Melayu. Penyertaan orang Cina dalam perjuangan komunis adalah kerana kesetiaan mereka kepada tanah asal mereka dan segala perubahan yang berlaku di negara China diambil perhatian. Mereka sentiasa ikut serta dalam politik China, walaupun berada berjauhan di rantau asing. Hakikat bahawa sebahagian besar komunis yang bergerak di Tanah Melayu terdiri daripada orang Cina memang tidak dapat dinafikan, malah penduduk keturunan Cina lah yang telah menguasai gerakan komunis di Tanah Melayu. Dalam ucapan seorang pemimpin Cina di Melaka, Tan Cheng Lock pada 13 November 1950 telah mengatakan bahawa 80% hingga 85% daripada komunis yang berada dalam hutan di negeri-negeri Melayu adalah terdiri daripada

²⁰ Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 4-5.

²¹ Extract From Personal and Confidential Letter From Sir H. Gurney to Sir T. Lloyd dated 20th November 1948, dalam C.O. 717/175/52849/20, Law and Order, Civilian Morale, hlm. 14; A Paper on The Dimensions and Nature of The Security Problem Confronting The Government of The Federation of Malaya, 16 September 1948, dalam C.O. 717/177/52849/41, Law and Order, The Squatter Problem, hlm. 117.

orang Cina.²² Oleh kerana sebahagian besar anggota komunis adalah berketurunan Cina, manakala sangat sedikit orang Melayu dan India yang turut serta dalam gerakan komunis itu, sudah tentulah ia menggambarkan kurangnya sokongan orang Melayu dan India terhadap pergerakan komunis. Namun begitu, komunis sedar bahawa kerjasama daripada orang India dan Melayu adalah penting dalam perjuangan mereka. Ini dapat dilihat dalam dokumen komunis yang dirampas di Johor pada Ogos 1949. Antara lain, dokumen itu menyatakan "without them we cannot succeed, without them victory will not be ours."²³

Selain perkembangan di Indonesia, pergolakan politik di negara China juga sentiasa mempengaruhi politik orang Cina di Tanah Melayu. Setelah Dr. Sun Yat-sen meninggal dunia pada Mac 1925 di negara China, keretakan berlaku dalam Barisan Bersatu yang menyatukan KMT-PKC (Parti Komunis China) di China. Apabila konflik semakin hebat, Barisan Bersatu KMT-PKC berpecah pada tahun 1927. Dengan itu, pihak komunis di Tanah Melayu tidak dapat lagi menggunakan cawangan KMT dalam penyebaran fahaman mereka. Oleh yang demikian, Comintern telah menggesa pihak komunis di Tanah Melayu cuba mengatur langkah lain. Ini membawa kepada penubuhan Parti Komunis Nanyang (PKN/*Nan-Yang Kung-Ch'an-Tang/Nanyang South Seas Communist Party*) pada Mac 1928 di bawah arahan Biro Timur Jauh Comintern di Shanghai. Pertubuhan ini ditubuhkan sebagai alat Comintern untuk menyelaraskan, menggerakkan dan mengawasi pergerakan komunis di Tanah Melayu, Thailand, Burma, Annam, Indochina dan Indonesia dengan Singapura sebagai pangkalan atau pusatnya.²⁴

²² SP. 13/A/6, *The Malayan Constitutional Proposals*, hlm. 1; M 135/1976, Tun Tan Cheng Lock Papers (Letters, Memos & Speeches etc.), 1923-1959.

²³ Federation of Malaya Monthly Newsletter No. 11, dalam C.O. 717/183/52928/24, *Political Developments Monthly Newsletter*, hlm. 12.

²⁴ *The Communist Threat To The Federation of Malaya*, Kuala Lumpur: Government Press, 1959, hlm. 15; Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 6.

Namun begitu, PKN tidak berjaya mencapai matlamat seperti yang diharapkan dalam mengkoordinasikan pergerakan komunis di negara-negara tersebut. Dalam satu perjumpaan di Singapura pada tahun 1930, PKN telah dibubarkan. Keadaan ini akhirnya mendorong pihak Comintern mengarahkan penubuhan sebuah pertubuhan komunis yang baru.²⁵

Akhirnya, sebuah pertubuhan komunis telah ditubuhkan di Tanah Melayu pada 30 April 1930, iaitu PKM.²⁶ PKM bertanggungjawab menghalau dan menamatkan pemerintahan penjajah British dan seterusnya mengambil alih pentadbiran dengan mendirikan sebuah republik komunis di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Republik Komunis Malaya. Matlamat perjuangan PKM ini adalah selaras dengan hasrat Comintern dan komunis sedunia, iaitu mendirikan kerajaan komunis.

Pengaruh Komunis Indonesia di Tanah Melayu

Usaha pertama dalam membentuk pergerakan komunis di Tanah Melayu adalah dilakukan oleh komunis Indonesia selain daripada aliran komunis dari negara China.²⁷ Dalam kemasukan pengaruh komunis dari Indonesia, Singapura memainkan peranan penting. Ini kerana Singapura pada masa itu menjadi pusat perdagangan dan pertemuan

²⁵ *Anchaman Komunis Kepada Persekutuan Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1959, hlm. 18-19; *Malaya-Constitutional, Defence and Political Development*, dalam C.O. 1030/436/FED 36/1/07, *Constitutional Development In The Federation of Malaya*, hlm. 11-12; *Legislative Assembly, Singapore, Sessional Paper No. Cmd. 33 of 1957*, hlm. 1, dalam C.O. 1030/578/FED 79/2/02, *Action Taken Against Subversive Elements In Singapore*

²⁶ Perkataan "Nanyang" telah digugurkan dan digantikan dengan "Malaya" (Parti Komunis Malaya) bertujuan untuk memindahkan kawalan PKM daripada PKC dan diletakkan di bawah Biro Timur Jauh Comintern. Anthony Short, "Communism and the Emergency", Wang Gungwu (ed.), *Malaysia: A Survey*, London and Dunmow: Pall Mall Press, 1964, hlm. 149-150.

²⁷ *Communism in Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur: Government Printers, March 1971, hlm. 5.

antara Timur dan Barat menjadikannya tempat yang strategic dalam menyuburkan fahaman komunis bagi rantau Asia Tenggara. Seawal tahun 1921 dan 1922, nama-nama ejen komunis Indonesia dan Belanda seperti Sneevliet, Baars, Semaun, Darsono dan lain-lain telah dilaporkan berkali-kali melawat ke Singapura dan Tanah Melayu, serta memulakan sebuah pejabat sulit di Singapura. Antaranya, telah dilaporkan bahawa Darsono, Baars dan Sneevliet telah melawat Singapura pada Mei 1921 dalam perjalanan mereka ke Moscow melalui Shanghai. Semaun, Pengerusi Perserikataan Komunis di India (PKI) dan seorang pemimpin komunis yang penting dari Jawa juga telah sampai di Singapura dalam perjalanannya ke Moscow melalui Shanghai pada tahun 1922. Sneevliet sekali lagi dilaporkan singgah di Singapura pada Mei 1922 ketika dalam perjalanannya ke Holland (Belanda).²⁸ Pada peringkat awalnya, kehadiran pemimpin komunis tersebut tidak mendatangkan kebimbangan kepada pihak British dan tiada sebarang tindakan yang diambil terhadap mereka. Ini kerana mereka tidak melakukan kegiatan yang boleh mengugat pentadbiran British di Tanah Melayu.²⁹

Seterusnya, pada Februari 1924, Mas Alimin, seorang lagi pemimpin komunis telah sampai di Singapura dalam perjalanannya ke Canton untuk menghadiri Persidangan Buruh Se-Pasifik pada Jun 1924. Alimin yang menggunakan nama Eusoff bin Haji Mohammed telah bertemu dengan ramai pemimpin Melayu dan India yang penting di Singapura dan dikatakan telah berjaya membentuk ejen-ejen komunis di sana. Selain itu, beliau turut memberi syarahan di sebuah masjid di Kampung Jawa di Singapura bagi mendekatkan fahaman komunis

²⁸ Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism*, hlm. 129. Lihat juga Khoo Kay Kim, 'The Beginnings of Political Extremism in Malaya 1915-1935', Ph.D. Thesis, Department of History, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 117-118; Mahmud Embong, "Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949", dalam Kobkua Suwannathat-Pian, Rohany Nasir, Mohammad Agus Yusoff (penyunting), *Dua Dekad Penyelidikan: Sejarah-Bahasa dan Kebudayaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 22.

²⁹ Mahmud Embong, "Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949", hlm. 22.

kepada masyarakat tempatan, khususnya di kalangan orang Melayu.³⁰ Individu-individu yang berhubungan dengan Alimin di Singapura disenaraikan oleh pihak berkuasa seperti berikut:

Chief among his associates were Hj. Mohd Eusuf, Imam of the mosque; Mohammad Ghaus, a Southern Indian cloth merchant of 165, Arab Street; Lieutenant E.H. Jawa of the MVI; Hj. Mohammed b. Abdullah Dendek; Hj. Mohamad Yusof Mohammad Amin, Cap Merchant of Northbridge Road; Hj. Manjooon Sahib, a cattle merchant and Mr. Mohammad Ismail, a lawyer.³¹

Sementara itu, pada awal tahun 1925, Tan Malaka, seorang pemimpin komunis dari Indonesia dan wakil Comintern di Asia Tenggara telah mendesak pihak Parti Komunis China (PKC) di Canton supaya bekerjasama dengan orang Cina yang bermastautin di negeri-negeri Melayu dan anggota revolusi Indonesia termasuk Mokhtaruddin Lasso dan Alimin yang ketika itu lari dari Indonesia dan berlindung di Singapura. Berikutan, dilaporkan bahawa seorang wakil PKC bernama Fu Ta-ching adalah antara ejen yang dihantar untuk berhubung dengan orang Cina berhaluan kiri dan orang Jawa di Singapura. Tetapi, kecuali orang Cina Hailam, ahli PKC kurang berjaya bersaing dengan Kuomintang (KMT) dalam membentuk cawangan di Tanah Melayu. Dengan itu, akhirnya, ahli PKC yang tiba di Tanah Melayu mula menyertai KMT cawangan negeri-negeri Melayu selaras dengan perjanjian yang dibuat di antara komunis dengan KMT pada tahun 1923 di China. Di sini dapat dilihat bahawa usaha Tan Malaka telah berjaya

³⁰ Ibid; C.F. Yong, *The Origins of Malayan Communism*, hlm. 79.

³¹ Mahmud Embong, "Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949", hlm. 22.

menarik perhatian pihak PKC yang akhirnya mencapai kerjasama dengan KMT dalam melebarkan pengaruh komunis di Tanah Melayu. Komunis terus berada dalam KMT cawangan yang dibentuk di negeri-negeri Melayu sehingga pemecahan KMT China dengan PKC pada tahun 1927.³²

Selain itu, dipercayai bahawa seorang pemimpin komunis dari Indonesia (Jawa) yang juga ahli jawatankuasa *Union of Sailors and Dockers of Java* bernama Hassanoesi telah dihantar ke Tanah Melayu oleh Tan Malaka pada Mei 1925 bagi menjalankan kerja-kerja propaganda di kalangan orang Melayu. Begitu juga, pada Julai 1925 dilaporkan kehadiran Koesno dari Bandung, Indonesia dalam menjalankan kegiatan meluaskan lagi gerakan komunis di Tanah Melayu. Namun demikian, dikatakan usaha beliau kurang berjaya dalam menyebarkan komunisme di Singapura dan Johor.³³ Dalam usaha untuk menjadikan Singapura sebagai pusat gerakan komunis yang penting di Asia Tenggara, dipercayai bahawa Comintern telah mencadangkan penubuhan sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh enam orang perwakilan dari negara-negara China, Jepun, Australia, Indochina dan Indonesia. Dikatakan bahawa jawatankuasa ini adalah diketuai oleh Semaun dari Indonesia.³⁴ Selain itu, Comintern juga mengusulkan cadangan penubuhan dua jabatan, iaitu Propaganda dan Direct Action³⁵ yang mengandungi 30 orang kakitangan. Jabatan-jabatan ini bertujuan untuk merancang dan mengembang pergerakan komunis di timur dan Asia Tenggara. Bagaimanapun, pihak kerajaan

³² Cheah Boon Kheng, *From PKI To The Comintern, 1924-1941*, hlm. 8-9.

³³ C.F. Yong, *The Origins of Malayan Communism*, hlm. 79. Lihat juga Mahmud Embong, "Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949", hlm. 23.

³⁴ Mahmud Embong, "Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949", hlm. 23.

³⁵ Jabatan Direct Action ini mengambil tindakan mogok sebagai satu cara untuk mendapatkan layanan terhadap tuntutan-tuntutan bagi kaum pekerja.

tidak mendapat sebarang maklumat lanjut tentang kejayaan penubuhan organisasi tersebut.³⁶

Selain itu, Muhammad Yunus bin Abdul Hamid, seorang Melayu dari Padang, Sumatra juga dilaporkan adalah seorang pendokong fahaman komunis. Beliau telah berada di Pulau Pinang sejak tahun 1924 dan terlibat sebagai pengarang akhbar Melayu bertajuk *Malaya* dan kemudian *Idaran Zaman*. Dalam sepucuk suratnya pada Februari 1926 yang dialamatkan kepada Abdul Ghafar di 84 Onan Road, Singapura, yang dipercayai adalah pusat gerakan komunis Indonesia di Singapura, Muhammad Yunus telah mencadangkan kepada Abdul Ghafar tajuk akhbar yang sesuai diterbitkan adalah *Fajar Timor* dan *Fajar Islam*.³⁷ Setakat mana akhbar itu diterbitkan tidaklah diketahui tetapi daripada perkara itu dapat dilihat bahawa pemimpin komunis Indonesia ini berusaha dalam menarik golongan Islam di Singapura untuk menyertai pergerakan mereka.

Seorang lagi pemimpin komunis dari Jawa, Sutan Perpetah dan sekutunya, Haji Abdu dilaporkan juga berada di Singapura pada 21 Mac 1926. Begitu juga Winanta dikatakan telah meninggalkan Singapura menuju ke Jawa pada 12 Mac 1926 dengan diiringi oleh Abdul Ghaffar.³⁸ Kehadiran pemimpin-pemimpin ini di Singapura telah menguatkan lagi kegiatan komunis dalam meletakkan pengaruh dan mendapatkan kepercayaan penduduk Melayu dan Indonesia yang berada di Singapura dan sekitarnya.

Bagaimanapun, usaha-usaha memperluaskan pengaruh komunis yang dijalankan oleh pemimpin komunis dari Indonesia tidaklah mendapat sambutan dari kalangan orang Melayu sebagaimana yang diharapkan oleh pihak Moscow. Keadaan ini dapat dilihat melalui

³⁶ C.F. Yong, *The Origins of Malayan Communism*, hlm. 80.

³⁷ The Malayan Bulletin of Political Intelligence, May 1926, Issue No. 39, hlm. 5, dalam C.O. 273/534/14762, Malayan Bulletin of Political Intelligence.

³⁸ The Malayan Bulletin of Political Intelligence, March 1926, Issue No. 37, hlm. 5, dalam C.O. 273/534/11187, Malayan Bulletin of Political Intelligence.

sepucuk surat bertarikh 6 November 1925 yang ditulis oleh Tan Malaka dikirim dari Singapura dan dialamatkan kepada Boedisoejitro telah dijumpai di Jawa. Terdapat satu bahagian dalam surat itu yang menyatakan sambutan mengecewakan diperolehi di negeri-negeri Melayu terhadap propaganda komunis seperti berikut:

So far not the slightest advantage is to be seen from the work of our dealers (propagandists?) at (Singapore) or at (Penang). You may say that they are quite incapable, but in criticising it must not be forgotten that the proper (indigenous?) inhabitants there, who form only a minority, are all conservative in their manner of living and thinking, and are petty bourgeois. On the departure of Hadji Moek from (Singapore) his kindness was invoked to make a visit to the F.M.S. [Federated Malay States]. The impressions which he obtained everywhere did not differ from those gained from (Singapore) and (Penang). The section of the people which understands (economy) and (politics) are the Chinese. . . . In brief, if one looks for a movement in the F.M.S., it is not to be sought from the side of the Malays. It will certainly come from the Chinese and Klings [Indians], whatever sort of movement it may be.³⁹

Begitu juga, Anthony Short dalam tulisannya "Communism and the Emergency" juga menyatakan Tan Malaka berpandangan bahawa orang yang faham dan berminat dalam aspek ekonomi dan politik adalah orang Cina. Dalam hal ini, Tan Malaka menegaskan bahawa sekiranya terdapat sesuatu pergerakan yang ingin dijalankan di Tanah Melayu, penyertaannya akan datang dari orang Cina dan India tetapi bukan orang Melayu.⁴⁰

³⁹ The Malayan Bulletin of Political Intelligence, October 1926, Issue No. 44, hlm. 3, dalam C.O. 273/535/28030, Malayan Bulletin of Political Intelligence.

⁴⁰ Anthony Short, "Communism and the Emergency", Wang Gungwu (ed.), *Malaysia: A Survey*, hlm. 150.

Bagaimanapun, berikutnya, Tan Malaka telah menyerahkan pergerakan komunis di Tanah Melayu kepada PKC dan meneruskan usahanya untuk merekrut orang Indonesia di negeri-negeri Melayu, terutamanya orang Sumatra supaya mereka terus mempengaruhi orang Melayu tempatan. Pada Ogos 1926, dilaporkan Tan Malaka telah menghadiri mesyuarat di Batu Pahat, Johor dan Singapura. Dalam perjumpaan di Singapura, antaranya lain ialah penubuhan "Indonesia Trading Association" yang beribu pejabat di Pulau Pinang dengan sebuah cawangan di Johor. Ini kerana Muar, Batu Pahat dan bandar lain di pantai barat Johor mempunyai penduduk Indonesia yang ramai.⁴¹

Terdapat bukti yang menunjukkan pemimpin komunis dari Indonesia seperti Alimin, Tan Malaka dan Musso juga berhubung dengan *Main School* di Tanah Melayu. *Main School* ialah sebuah pertubuhan komunis Cina yang ditubuhkan di Tanah Melayu dalam usaha menyebarkan ideologi komunis dan semangat anti-imperialisme. *Main School* secara langsung diletakkan di bawah arahan PKC. Pada tahun 1926, seorang ketua *Main School*, Mah Yap-peng telah dilaporkan berhubung dengan Musso. Pada tahun 1927 pula, Alimin, Tan Malaka dan Musso telah berhubung dengan pihak PKC di Tanah Melayu melalui *Main School*. Dalam perkembangan lain, sekumpulan pemimpin PKI, iaitu Mohamed Ali, Djamalud Din dan Jadj Machmud dilaporkan telah memulakan kegiatan komunis di Negeri-negeri Selat melalui kerjasama dengan pertubuhan komunis Cina, iaitu *Main School*. Semua bukti ini menunjukkan pemimpin komunis dari Indonesia telah mengadakan perhubungan dengan *Main School*, pertubuhan komunis Cina di negeri-negeri Melayu.⁴²

⁴¹ Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism*, hlm. 330-331; Khoo Kay Kim, 'The Beginnings of Political Extremism in Malaya 1915-1935', hlm. 114.

⁴² C.F. Yong, *The Origins of Malayan Communism*, hlm. 84.

Pada sekitar tahun 1926, komunis Indonesia di bawah PKI telah bangkit untuk menentang dan menamatkan pemerintahan Belanda di Jawa dan Sumatra tetapi tidak berjaya. Ekoran daripada itu, pada tahun 1926 dan 1927, semakin ramai komunis Indonesia telah melarikan diri dan tiba di Singapura dan negeri-negeri Melayu. Antaranya, yang paling awal sampai ialah Alimim dan Moeso dan kemudian Tan Malaka, Hasanoesi, Boedisoejitro, Sutan Perpateh, Winanta, Soebakat dan Jamaluddin Tamin. Kebanyakan mereka hanya tinggal untuk satu jangka masa pendek dan ketika di Tanah Melayu, mereka menjalankan aktiviti anti-Belanda dan merekrut orang Indonesia dan Melayu tempatan. Dilaporkan bahawa kegiatan komunis Indonesia ini sering dibantu oleh penduduk Indonesia yang telah lama tinggal di negeri-negeri Melayu yang bekerja sebagai peniaga dan broker jemaah haji. Antaranya, Tan Malaka dan Hasanoesi telah sampai di Pulau Pinang pada Januari 1926. Tan Malaka dikatakan telah merangka beberapa strategi gerakan komunis di bahagian utara Tanah Melayu. Boedisoejitro dan Sutan Perpateh juga kemudian ke Pulau Pinang pada pertengahan bulan Mei 1926 dan tiba di Singapura pada penghujung Mei 1926. Sutan Perpateh telah berjaya menubuhkan sebuah kelab di Seberang Prai yang kebanyakan ahlinya adalah orang Jawa. Usaha menubuhkan kelab yang sama juga dilakukan oleh Boedisoejitro di kawasan Kallang, Singapura.⁴³ Namun demikian, tidak pula diketahui sejauhmana kejayaan kelab tersebut mempengaruhi orang Melayu. Dilaporkan Sutan Perpateh juga telah meluaskan kegiatannya ke Perak Utara dan Kedah dalam usaha menyebarkan komunisme dan mengutip derma dari kalangan orang Melayu tempatan dan Jawa yang berminat dengan fahaman komunis. Beliau kebanyakan masa diiringi oleh Haji Abdul Halim, seorang broker jemaah haji dari

⁴³ The Malayan Bulletin of Political Intelligence, April 1926, Issue No. 38, hlm. 4, dalam C.O. 273/534/13350, Malayan Bulletin of Political Intelligence.

Pulau Pinang.⁴⁴ Bagaimanapun, pada penghujung tahun 1926, kebanyakan pemimpin komunis Indonesia telah ditahan. Antaranya, pada 18 Disember 1926, Alimin dan Moeso yang ditahan oleh pihak polis British di Singapura. Mereka tiba di Singapura dari Bangkok dengan kapal S.S. Deli pada 15 Disember 1926. Setelah ditahan dan disiasat oleh pihak berkuasa, mereka diarahkan supaya meninggalkan negeri-negeri Melayu dan diberi kebebasan untuk memilih negara yang hendak ditujui. Akhirnya, kedua-dua pemimpin tersebut telah memilih pergi ke Canton, China.⁴⁵

Walaupun dalam usaha menyebarkan pengaruh komunis di Tanah Melayu, pemimpin komunis Indonesia berdepan dengan halangan dan tekanan daripada pihak penjajah British, tetapi usaha mereka masih diteruskan oleh anggota komunis Indonesia bagi merekrut orang Melayu ke dalam pergerakan komunis di antara tahun 1928 dan 1930. Pada tahun 1928, satu seksyen Melayu dalam *Anti-Imperialist League* telah dibentuk dan propaganda komunis diterbitkan dalam huruf rumi dan Jawi telah dilakukan. Dilaporkan orang yang memainkan peranan penting di belakang tabir itu ialah Alimin. Berdasarkan sebuah dokumen dari *Malayan Security Service*⁴⁶ bertajuk "Malay and Indonesian Communists" menyatakan pada Jun 1928 komunis Indonesia cuba untuk berhubung dengan pemuda berpendidikan dari Indonesia dan Tanah Melayu yang belajar di Universiti Al-Azhar di Cairo dimana mereka memperolehi sedikit hasil. Dua akhbar, *Pilihan Timor*

⁴⁴ The Malayan Bulletin of Political Intelligence, July 1926, Issue No. 41, hlm. 5-6, dalam C.O. 273/534/20005, Malayan Bulletin of Political Intelligence.

⁴⁵ The Malayan Bulletin of Political Intelligence, December 1926, Issue No. 46, hlm. 3, dalam C.O. 273/535/28030, Malayan Bulletin of Political Intelligence; The Malayan Bulletin of Political Intelligence, February-April 1926, Issue No. 48, hlm. 4, dalam C.O. 273/535/28030, Malayan Bulletin of Political Intelligence. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *From PKI To The Comintern, 1924-1941*, hlm. 9-10.

⁴⁶ *Malayan Security Service* (MSS) dibentuk pada tahun 1922 merupakan sebuah agensi menjalankan tugas pengawasan secara terus-menerus terhadap sebarang aktiviti politik di Tanah Melayu yang boleh mengancam kepentingan British. Agensi ini juga memberi nasihat kepada pihak berkuasa tentang langkah bagi menyekat atau mengawal aktiviti-aktiviti tersebut.

dan *Seruan Azhar* yang diterbitkan oleh pelajar-pelajar berkenaan telah dapat dibaca di Tanah Melayu. Akhbar ini digunakan oleh komunis Indonesia untuk menyebarkan propaganda anti-British dan didapati bahawa akhbar ini telah diedarkan untuk bacaan orang Melayu di negeri-negeri Melayu.⁴⁷

Pada Jun 1929, Alimin dan dua orang Melayu serta beberapa anggota PKC telah menghadiri mesyuarat tahunan *Pan-Pacific Trade Union Secretariat* di Shanghai. Menjelang penghujung tahun 1929, satu siri risalah dalam Bahasa Melayu didakwa yang diterbitkan oleh *Malaya Seamen's Union* telah dicetak dan diedarkan dengan bantuan komunis tempatan. Daripada penyiasatan polis pada tahun 1930 telah membawa kepada penangkapan enam pemimpin komunis yang berasal dari Sumatra dan Jawa. Begitu juga, nama-nama orang Melayu yang dikaitkan dengan Jawatankuasa PKN, *Nanyang Provisional Committee* turut ditemui oleh pihak berkuasa polis seperti Ahmad Baiki bin Suib, Salleh bin Sapi; Jamaluddin; Emat @ Abdul Hamid dan Haji Mahmud b. Hashim. Ini berikutan dengan tindakan *Nanyang Provisional Committee* pada tahun 1928 yang memasukkan sokongan Melayu dan India dalam membentuk sebuah pergerakan berbilang kaum bagi menentang pemerintahan British. Bagaimanapun, penahanan tersebut tidak menghentikan usaha untuk menyebarkan pengaruh komunis di kalangan orang Melayu, terutamanya disebabkan cadangan Comintern untuk menyusun semula pergerakan dan pertubuhan komunis pada tahun 1930.⁴⁸ Cadangan itu telah meningkatkan usaha menyusun semula pergerakan komunis sehingga akhirnya hasrat Comintern tercapai dengan tertubuhnya PKM di Tanah Melayu pada tahun 1930. Seterusnya, PKM berjuang untuk menuju ke arah menghapuskan pemerintahan British dan membentuk sebuah kerajaan komunis di Tanah Melayu.

⁴⁷ Cheah Boon Kheng, *From PKI To The Comintern, 1924-1941*, hlm. 10. Rujuk juga Mahmud Embong, "Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949", hlm. 24.

⁴⁸ Cheah Boon Kheng, *From PKI To The Comintern, 1924-1941*, hlm. 10-11.

Kesimpulan

Pergerakan komunis di Indonesia telah bermula lebih awal daripada Tanah Melayu. Gerakan komunis bermula pada sekitar tahun 1914 di Indonesia dan Partai Komunis Indonesia (PKI) ditubuhkan pada tahun 1920. Sementara itu, gerakan komunis di Tanah Melayu telah dapat dikesan pada awal 1920-an dan Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan pada tahun 1930. Pergerakan komunis di Asia yang dikawal oleh Comintern dengan pusatnya di Moscow, Rusia. Begitu juga dengan pergerakan komunis di Indonesia dan Tanah Melayu. PKI dan PKM mempunyai tujuan akhir perjuangan yang sama, iaitu membentuk republik komunis selaras dengan hasrat yang disarankan oleh Comintern yang berpusat di Moscow dengan pejabatnya di merata tempat di Asia.

Pengaruh komunis di Tanah Melayu dibawa masuk oleh dua saluran utama, iaitu orang Cina dari negara China dan PKC serta komunis Indonesia dari PKI. Penyebaran pengaruh komunis dari China dan Indonesia telah bermula lebih kurang pada jangka masa yang sama, iaitu sekitar tahun 1921 dan 1922. Pemimpin komunis Indonesia telah tiba ke Tanah Melayu sejak tahun 1921 dan mereka berusaha mempengaruhi orang tempatan dengan ideologi komunis. Kedudukan geografi antara Tanah Melayu dengan Indonesia serta dasar penghijrahan yang bebas di bawah pentadbiran British telah menjadikan Tanah Melayu sebagai tempat perlindungan dan pertemuan bagi komunis Indonesia dalam menyebarkan komunisme di kalangan orang Melayu di negeri-negeri Melayu. Namun demikian, usaha pemimpin-pemimpin komunis dari Indonesia itu kurang berjaya kerana didapati bukan semua kaum di negeri-negeri Melayu mudah untuk dipengaruhi dan juga adanya tekanan daripada pihak penjajah British. Bagaimanapun, kehadiran dan kegiatan yang dilakukan oleh pemimpin komunis Indonesia serta hubungannya dengan pihak Moscow telah mecorakkan pergerakan komunis dan menambahkan elemen

antarabangsa dalam tahun-tahun awal perkembangan komunis di Tanah Melayu. Mereka (pemimpin komunis dari Indonesia) juga telah mendesak pihak Moscow dan komunis China supaya menghantar wakil ke negeri-negeri Melayu bagi menubuhkan sebuah pertubuhan komunis di situ. Tindakan ini akhirnya telah membawa kepada pembentukan PKM pada April 1930 yang seterusnya mengepalai gerakan komunis di negeri-negeri Melayu.

Walau bagaimanapun, dalam pergerakan komunis di Tanah Melayu, pengaruh dari China adalah lebih berjaya dalam menarik perhatian penduduk berbanding dengan pengaruh dari Indonesia. Ini memandangkan dalam pergerakan komunis di Tanah Melayu dari peringkat awal sehingga PKM ditubuhkan, orang Cina merupakan kumpulan majoriti yang terlibat dan bukannya orang Melayu. Namun begitu, kita tidak dapat menafikan usaha gigih yang telah dijalankan oleh pemimpin komunis Indonesia dalam menyebarkan pengaruh komunis di kalangan masyarakat tempatan. Usaha mereka akhirnya berjaya menarik perhatian pihak Comintern dalam menyusun semula gerakan komunis di negeri-negeri Melayu ke dalam sebuah pertubuhan komunis. Pada masa yang sama, kegiatan pemimpin komunis dari Indonesia telah memulakan minat dan penglibatan sebilangan orang Melayu dalam gerakan komunis di Tanah Melayu sehingga akhirnya terbentuk kumpulan komunis Melayu yang berpusat di kawasan Kerdu, Pahang pada September 1949. Dengan itu, jelaslah kegiatan pemimpin komunis dari Indonesia sama ada sebelum tahun 1926 atau selepas tahun 1926 telah mempengaruhi penglibatan orang Melayu dalam pergerakan komunis di Tanah Melayu.